

Bantuan semua pihak bagi atasi kemiskinan

25 AUG 1990
JITRA, Jumaat — Kerajaan memerlukan tenaga dan bantuan semua pihak, termasuk sukarelawan untuk menghapuskan sepenuhnya masalah kemiskinan di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kadar kemiskinan negara pada masa ini berkurangan sehingga 15 peratus berbanding 45 peratus sewaktu Malaysia mencapai kemerdekaan.

Dalam hal ini, katanya, beliau yakin Rela juga boleh memberi sumbangan ke arah membangunkan negara dan membasmi kemiskinan kerana pasukan itu mempunyai rancangan yang tertib dan tersusun.

"Saya berharap anggota Rela menggunakan pengalaman dan latihan masing-masing untuk berbakti seperti menghapuskan kemiskinan," katanya ketika melancarkan Bulan Bakti Rela peringkat kebangsaan di Sekolah Menengah Sri Mahawangsa di sini, hari ini.

Sambil memuji usaha Rela mengadakan program itu, Perdana Menteri berkata pasukan itu penting dan kerajaan menghargai khidmat anggotanya.

"Kita memang mempunyai tentera dan polis, tetapi ini tidak mencukupi tanpa kesanggupan rakyat untuk turut bersama menjaga keselamatan serta mempertahankan negara," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggariskan beberapa panduan yang harus diikuti oleh semua anggota Rela bagi memantapkan pasukan itu.

Menurutnya, anggota Rela mesti mempunyai sifat ketenteraan, berdisiplin, tahu menggunakan senjata dan mematuhi arahan pegawai atasan.

"Disiplin penting kerana tanpanya kita boleh ditewaskan pada bila-bila masa saja," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri memeriksa perbarisan dan menerima ikrar anggota Rela dari seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian menyaksikan anggota Rela menderma darah. Menteri Besar, Datuk Seri Haji Osman Agoff dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, turut hadir.